

KE ARAH MELAHIRKAN KONSEP FIQH MUZIUM DI MALAYSIA: SATU PENGENALAN

Siti Maimunah Kahal^{a*}, Hajar Opir^a, Rahimin Affandi Abdul Rahim^b, Amiratul
Munirah Yahaya^a, Wan Yusnee Abdullah^a & Mohd Hapiz Mahaiyadin^a

^aAkademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor.

Emel: sitimaimunahkahal@gmail.com

^bJabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur.

Emel: Faqir_ila_rabbih@um.edu.my

*Corresponding Author

Article info

Received:
31/07/2023
Received in revised form:
30/08/2023
Accepted:
01/09/2023
Available online:
01/09/2023

Keywords:
*Fiqh Muzium; ICOM;
Artifak; Wasatiyyah;
Ekstremisme.*

DOI:
[10.24191/JIPSF/v5n22023_109-124](https://doi.org/10.24191/JIPSF/v5n22023_109-124)

Abstrak

Dewasa ini, muzium telah menjadi salah satu institusi sosio-ekonomi dan intelektual terpenting dalam masyarakat. Hal ini terbukti dengan wujudnya konsep kluster muzium iaitu muzium telah menjadi penjana ekonomi dalam bentuk 'Cultural Tourism' bagi sesebuah negara. Ia telah mendorong setiap negara dunia menubuhkan kementerian pelancongan yang tersendiri. Di sebalik fenomena ini dunia intelektual Islam belum mempunyai garis panduan atau fiqh muzium yang boleh memandu falsafah dan modus operandi muzium. Ia berpotensi menjadi jawapan atau pembimbing Islam untuk dunia permuziuman. Jadi, kajian ini menggunakan metod kualitatif berasaskan analisis dokumen dan deskriptif membabitkan sumber primer dan sekunder daripada koleksi keilmuan Islam. Kajian ini telah menghasilkan beberapa perkara utama. Pertama, keterangan tentang fiqh muzium dan rasionaliti diwujudkan fiqh muzium. Kedua, metodologi pembentukan fiqh muzium. Akhirnya ketiga, pendekatan wasatiyah dalam membentuk konsep fiqh muzium.

TOWARDS ESTABLISHING THE CONCEPT OF FIQH MUSEUM IN MALAYSIA: AN INTRODUCTION

Abstract

Nowadays, museums have become one of the most significant socio-economic and intellectual institutions in society. This is evident in the existence of the museum cluster concept, where museums have become economic generators in the form of Cultural Tourism for a country. It has spurred every country worldwide to establish its own tourism ministry. Unfortunately, amidst this phenomenon, the Islamic intellectual world has yet to have guidelines or a fiqh museum that can guide the philosophy and modus operandi of museums. It is set to become the Islamic response or guide for the museum world. Therefore, this study employs a qualitative method based on document analysis and a descriptive approach involving primary and secondary sources from the Islamic scholarly collections. This study is expected to yield several key outcomes. First, an explanation of fiqh museum

and the rationale for establishing fiqh museum. Second, the methodology for the formation of fiqh museum. Finally, third, the wasatiyah approach in shaping the concept of fiqh museum.

Keywords: Fiqh Muzium; ICOM; Artifact; Moderation; Exstremism.

PENGENALAN

Islam sebagai agama yang hidup dan sangat menekankan budaya ilmu. Realiti ini terbukti apabila Islam memberikan penekanan kepada penyediaan jawapan ilmu terhadap semua permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam. Disini letaknya dinamisme hukum Islam sehingga dunia intelektual Islam memiliki korpus ilmu fiqh yang encylopadik sifatnya. Ia terbahagi kepada dua bentuk iaitu Pertama, warisan formula fiqh yang dibangunkan oleh fuqaha silam yang dapat dijadikan asas berfikir oleh fuqaha zaman moden (Abdul Hamid Othman, 1976). Kedua, karya fiqh semasa yang dibangunkan oleh fuqaha sezaman mengandungi antara lainnya kaedah penyelesaian hukum bagi masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam semasa. Realiti ini terbukti apabila wujudnya sistem fiqh yang khusus untuk sesuatu masalah (Juozas Valčiukas, 2018). Berbanding dengan sistem fiqh silam, kita dapat menyaksikan kemunculan pelbagai fiqh baru dalam pelbagai bidang kehidupan yang sebelumnya tidak pernah wujud. Contohnya boleh dilihat kepada kemunculan Fiqh anti keganasan (Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2021), Fiqh Medis (Ashadi L. Diab, 2017), Fiqh Penyiaran (Zulkiple Abdul Ghani, 2014), Fiqh Halal Haram (Omar Al Serhan, 2016), Fiqh Aqqaliyyah (Okan Dogan, 2015) dan sebagainya.

Semua bukti ini menunjukkan bahawa sistem fiqh semasa adalah bersifat dinamis yang sentiasa berkembang. Atas dasar itu, kajian ini mencadangkan agar diwujudkan konsep fiqh muzium untuk kegunaan pengiat muzium antarabangsa.

TAKRIF FIQH MUZIUM

Secara istilahnya, Fiqh bermaksud kefahaman mendalam terhadap hukum-hukum syarak berdasarkan dalil-dalilnya yang terperinci sama ada dalil naqli ataupun aqli. Manakala muzium pula merupakan institusi terpenting dalam dunia moden. Menurut ICOM, muzium bermaksud institusi tanpa keuntungan, ia kekal berkhidmat untuk masyarakat dan pembangunannya, dan ia terbuka kepada orang awam, ia memperoleh, melestarikan, menyelidik, berkomunikasi dan mempamerkan warisan manusia yang ketara dan tidak ketara di dalam persekitarannya untuk tujuan pendidikan, pembelajaran dan untuk dinikmati semua.

Jadi, muzium diakui menjadi institusi terpenting yang memainkan peranan mengumpul, menjaga, merawat, mempamerkan warisan ketara (*tangible*) dan tak ketara (*intangible*) sejarah sesuatu bangsa. Ia sangat berguna untuk tujuan mengilmu dan mendidik anggota masyarakat tentang peri pentingnya warisan sejarah sesuatu bangsa. Atas dasar itu, persatuan muzium-muzium sedunia telah menjadikan agenda pembangunan dan pendidikan masyarakat sebagai matlamat terpenting (Ab Samad Kechot, 2012).

Semua negara di dunia memiliki muzium tersendiri yang berperanan dalam 5 peranan utama iaitu mengumpul, menjaga-merawat, menyelidik, mendidik dan mempamerkan warisan ketara (*tangible*) dan tak ketara (*intangible*) sejarah sesuatu bangsa. Ia sangat berguna untuk tujuan mengilmu dan mendidik anggota masyarakat tentang peri pentingnya warisan sejarah sesuatu bangsa (Ab Samad Kechot, 2012).

Atas dasar itu, Fiqh Muzium adalah tergolong sebagai garis panduan Islam yang membabitkan muzium. Ia terdiri daripada falsafah, prinsip, sumber rujukan, kaedah penyelidikan dan penilaian Islam bagi sesuatu galeri muzium. Memang Fiqh Muzium *per se* belum lagi wujud. Namun begitu, maklumat

asasnya telahpun ada dikupas oleh sarjana Islam dalam pelbagai disiplin membabitkan sejarah, warisan dan keilmuan Islam.

METODOLOGI PEMBENTUKAN FIQH MUZIUM

Fiqh Muzium dapat dikategorikan sebagai bidang ijtihad (penyelidikan ilmiah) yang perlu dilakukan oleh sarjana Islam moden. Hukum Islam adalah bersifat Rabbani (kerana asasnya berasal daripada Allah yang Maha Agung) dan dinamis, kerana ianya mampu menjawab setiap keperluan masyarakat yang selalu berkembang. Mengikut *world-view* Islam, setiap masalah yang timbul dalam masyarakat pasti ada jawapannya mengikut Islam. Andainya jawapan ini kabur ataupun belum ada formulanya yang khusus, maka sarjana Islam perlu melakukan penyelidikan ilmiah mencari jawapannya. Secara teknikalnya, ijtihad merupakan usaha penyelidikan ilmiah hukum Islam yang diaplikasi untuk mengetahui jawapan atau kehendak Allah terhadap sesuatu persoalan hukum yang timbul. Ianya tidak digunakan sebarangan oleh seseorang yang bukan pakar dalam perundangan Islam. (Rahimin Affandi Abd. Rahim, 2009),

Fiqh Muzium dibangunkan menggunakan metod kualitatif berasaskan analisis dokumen dan deskriptif membabitkan sumber primer dan sekunder daripada koleksi keilmuan Islam. Kajian ini memperincikan disiplin muzium moden yang melihat elemen kekuatan dan kelemahan muzium Barat, kajian dan analisis pada kitab turath Islam dalam isu membabitkan tema sejarah dan muzium, kajian perkaitan Islam dengan disiplin muzium moden dan pembentukan sintesis model indeks muzium patuh syariah.

RASIONALITI DIWUJUDKAN FIQH MUZIUM

Terdapat beberapa sebab kenapa fiqh muzium ini perlu diwujudkan iaitu:

Potensi Muzium Menjadi Pemangkin kepada Konsep Pelancongan Islam

Dewasa ini, muzium telah menjadi salah satu industri yang dapat menjana ekonomi negara sehingga diperkenalkan konsep kluster muzium - muzium telah menjadi penjana ekonomi dalam bentuk *Cultural Tourism* bagi sesebuah negara. Ia telah mendorong setiap negara dunia menubuhkan kementerian pelancongan yang tersendiri. Fenomena ini berlaku di negara barat dan negara Asia. Contoh di Eropah dapat dilihat kepada muzium Bilbao Guggenheim dan Muzium The Louvre di Perancis yang telah berjaya menjadikan bandar raya Basque dan Paris sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia. Di Asia pula, National Museum of China di Beijing telah mencatatkan dikunjungi 8 juta pengunjung pada tahun 2018. Hal yang sama berlaku di Shanghai apabila Muzium Sains Dan Teknologi di Shanghai yang menerima seramai 6.4 juta pengunjung pada tahun 2018. Di Korea Selatan pula, muzium kebangsaan negara mencatatkan seramai 3.3 juta pengunjung. Di Jepun pula, pada tahun 2018, tiga buah muzium iaitu the Tokyo Metropolitan Art Museum, National Art Center, National Museum of Nature and Science telah menerima seramai 7.8 juta pengunjung. Fakta ini jelas menunjukkan bahawa produk muzium dapat menjadi penjana utama perkembangan pelancongan warisan di sesebuah negara (Shaw Hong SER, 2020).

Fenomena ini memberi kesan langsung kepada negara umat Islam. Konsep pelancongan Islam telah menjadi salah satu produk pelancongan baru yang diperkenalkan di kebanyakan negara Islam. Negara-negara Islam merupakan salah satu destinasi yang sering menjadi perhatian pelancong ketika ini berikutan berkembangnya permintaan terhadap perjalanan pelancongan yang menitikberatkan ciri-ciri Islam. Atas dasar itu, suasana pelancongan Islam kini dilihat semakin berkembang secara pantas yang mana permintaan dan penawaran terhadap pelancongan ini sering meningkat dari semasa ke semasa (Lina Munirah Kamarudin & Hairul Nizam Ismail, 2012).

Selepas peristiwa 9/11 2001, memang berlakunya pertambahan kedatangan pelancong negara umat Islam di negara Islam. OIC telah mewujudkan konsep *Muslim Friendly Tourism* yang menyenaraikan pelbagai produk pelancongan yang patuh syariah di negara umat Islam. Ia merangkumi

produk perhotelan, perubatan dan pendidikan (Gurel Ceti, 2016). Sayangnya, produk muzium patuh syariah belum lagi diwujudkan, sedangkan memang wujud potensi amat besar untuk memajukan sektor pelancongan milik umat Islam. Sudah sampainya konsep Fiqh Muzium diwujudkan. Andainya hal ini dilakukan, di tambah pula dengan penambahbaikan kandungan dan persembahan institusi muzium Islam di Malaysia, ia dijangka akan mampu menyumbang pendapatan utama kepada industri pelancong di Malaysia (Siti Suriawati Isa, 2012).

Sarjana muzium moden menegaskan bahawa belum ada lagi garis panduan muzium Islam yang boleh diikuti. Klas Grinell (2019) menerangkan bagaimana sarjana muzium barat terpaksa bersusah payah mengkaji teks al-Quran, al-Sunnah dan kupasan ulama Islam dalam pelbagai bidang ilmu untuk mengetahui apa yang dibolehkan dan tidak dibolehkan untuk sesuatu pameran tentang Islam. Hasilnya, mereka memahami bahawa Islam berpegang pada falsafah *iconoclasm* iaitu larangan menggambarkan lukisan atau ukiran manusia khususnya membabitkan Nabi Muhammad SAW. Hal ini telah dielakkan walaupun mereka memang mempunyai banyak koleksi artifak, objek dan visual tentang diri Rasulullah SAW. Ia telah dielakkan kerana mematuhi prinsip etika muzium moden yang perlu mematuhi atau menjaga sensitiviti ajaran Islam. Lagipun, andainya hal ini tidak dipatuhi, ia bakal membangkitkan protes dan kemarahan penganut Islam. Terdapat dua *precedent* yang menunjukkan hal ini berlaku iaitu protes umat Islam pada tindakan Salman Rushdi yang memburukkan Rasulullah SAW dan para sahabat RA.

Usaha Menyelamatkan Umat Islam daripada Ekstremisme

Pihak UNESCO dan ICOM telah menegaskan bahawa Islam sebagai agama yang anti kepada muzium. Memang terdapat sesetengah penganut Islam yang memusuhi institusi muzium yang seterusnya menimbulkan fitnah kepada umat Islam. Dewasa ini, Islam sering menjadi bahan fitnah dan salahfaham (Islamophobia) yang dilakukan oleh musuh dan umat Islam sendiri. Islamophobia adalah merujuk kepada rasa fobia (kebimbangan) dan kebencian terhadap Islam sama ada pada penganutnya, ajarannya, budayanya dan apa sahaja yang berkaitan dengan Islam (Instead, 2004).

Ironinya, fenomena Islamophobia ini memang dilakukan oleh umat Islam sendiri. Antara contoh keburukan yang dilakukan oleh umat Islam dapat dilihat dalam dua perkara. *Pertama*, tindakan Daesh menjalankan dasar yang memusuhi golongan bukan Islam. Ia turut diikuti dengan usaha Daesh memaksa golongan bukan Islam memeluk Islam, sehingga pihak yang enggan berbuat demikian, akan dibunuh tanpa belas kasihan. Bagi Daesh, seolah-olahnya hanya penganut Islam sahaja yang berhak hidup dan menafikannya kepada penganut selain Islam (Muhd Imran Abd Razak, Mohd Anuar Ramli, Rahimin Affandi Abdul Rahim & Awang Azman Awang Pawi, 2019).

Kedua, Islam dilihat sebagai agama yang anti muzium dan memusuhi elemen sejarah yang tidak bersesuaian dengan agenda Islam. Hal ini diberikan sesuai dengan penegasan pihak UNESCO dan ICOM yang mengulas tindakan Daesh dan Taliban yang memusnahkan warisan sejarah di Afghanistan dan kawasan tamadun pra Islam di Syria dan Iraq (Morgan Cloud, 2016). Maksud anti disini membawa maksud seolah-olah Islam menentang keras institusi dan fungsi muzium yang membabitkan tiga perkara iaitu menjaga, mengkaji dan mempamerkan warisan sejarah nyata dan warisan tidak nyata.

Media barat secara besar-besaran telah mendedahkan bahawa Islam adalah agama yang memusuhi semua perkara yang datang daripada tamadun barat, termasuklah anti muzium. Ironinya, penganut aliran wahabi/salafi jihad sering mendakwa diri mereka sebagai aliran Islam yang paling betul kerana dikaitkan dengan golongan salafi yang menguasai kota Mekah dan Madinah. Kedua kawasan tersebut kononnya mewakili pemahaman dan pengamalan Islam yang paling betul kerana diwarisi daripada Rasulullah SAW dan generasi Salaf.

Sejarah mencatatkan memang terjadi sejumlah bukti pemusnahan artifak dan monument sejarah yang dilakukan oleh gerakan wahabi-salafi jihad, antaranya (Kaitlyn Armendariz, 2017):

1. Gerakan Wahabi di Arab Saudi yang memusnahkan monumen di perkuburan al-Baqi' antara tahun 1802 dan 1925. Pada tahun 1802, tentera Wahabi telah memusnahkan telaga zam zam, perkuburan syuhada' Uhud, masjid dan kubur Saidina Hamzah bin Abdul Muttalib dan Fatima al-Zahra. Daesh kemudiannya menjadikan dasar utama mereka memusuhi penganut Syiah dan sufi. Atas sebab itu, masjid dan kubur penganut Syiah dan sufi dijadikan sasaran pemusnahan di kawasan yang dikuasai oleh Daesh. Bagi mereka, dua kawasan suci milik penganut Syiah iaitu Karbala dan Najaf wajib dimusnahkan, bahkan ia menjadi agenda suci milik Daesh. Selain itu, mengikut Patrick Blannin (2017), Daesh turut terbabit memusnahkan pelbagai kuburan Syiah dan sufi di Syria dan Iraq.
2. Tindakan Daesh merosakkan muzium dan tinggalan sejarah di Iraq dan Syria.
3. Daesh membakar 100,000 buku, arkib lama yang memiliki intipati ajaran yang bertentangan dengan Daesh.
4. Memusuhi monumen dan artifak sejarah milik penganut Islam dan bukan Islam termasuk pusat ibadat golongan bukan Islam. Terpenting sekali, Daesh berusaha menghapuskan dan merosakkan semua tinggalan sejarah bukan Islam dan Islam sendiri yang menjadi lambang keunggulan sejarah sebelum kewujudan Daesh. Mereka memahami bahawa bukti artifak sejarah menjadi identiti sejarah golongan bukan Islam. Tindakan merakam usaha pemusnahan artifak dan monumen sejarah telah dibuat dengan cukup sistematik dan disebar ke seluruh dunia melalui media sosial. Ia secara terang-terangan menunjukkan Daesh sengaja mencabar dan melukakan hati musuhnya dengan merosakkan tinggalan sejarah yang menjadi bukti dan identiti sejarah yang dibanggakan. Mereka mahu menghapuskan semua lambang sejarah sebelum Daesh yang bakal diwujudkan sejarah Islam baru di bawah Daesh yang lebih bernuansa semangat Islam sejati.
5. Berusaha meraih keuntungan dengan proses penjarahan dan penjualan artifak sejarah di pasaran antarabangsa (Patrick Blannin, 2017).

Jadi, selain menyediakan jawapan ilmu untuk disiplin muzium moden, umat Islam perlu diselamatkan daripada pengaruh ekstremisme agama yang bakal menjejaskan umat Islam sendiri.

MANFAAT YANG TERHASIL DARIPADA INSTITUSI MUZIUM

Walaupun institusi muzium merupakan budaya eropah *Per Se*, ia memang bersesuaian dengan prinsip asas Islam.

Penekanan kepada Usaha Pelestarian Budaya Ilmu dan subjek Sejarah

Sejarah tamadun dunia mencatatkan bahawa terdapat jalinan tiga institusi memori serentak yang bertanggungjawab membangunkan sesuatu tamadun. Institusi memori ini adalah perpustakaan, arkib dan muzium. Kita percaya golongan intelektual terlibat dalam ketiga institusi ini. Kesemuanya terlibat di dalam mengumpul, merawat, menyelidik dan mendidik ahli masyarakat menggunakan warisan sejarah. Atas dasar itu, Margaret Hedstrom (2006) telah mengkategorikan ketiga institusi memori ini sebagai budaya tinggi milik sesuatu tamadun (Ahmad Farid Abd Jalal, 2022).

Elemen kepentingan budaya ilmu dan subjek sejarah ini memang terdapat penegasan utama dalam al-Quran. Sarjana Islam menyatakan bahawa sebahagian besar kandungan al-Quran membabitkan pengajaran sejarah membabitkan sejarah umat nabi-nabi terdahulu. Ianya amat penting untuk diambil iktibar oleh umat Islam bagi merangka program perancangan masa hadapan dengan lebih baik dan terancang (Abdul Rahman Abdullah, 2001). Secara strukturalnya, demi untuk menghidupkan budaya ilmu dan kepentingan sejarah ini diperlukan mewujudkan institusi pendidikan Islam dan muzium. Keduanya berjalan seiring sejalan saling memperkuat antara satu sama lain.

Apa yang jelasnya, kita boleh mempelajari budaya ilmu dalam bentuk gerakan permuziuman yang diusahakan oleh masyarakat Barat. Ia antara lainnya adalah kesungguhan manusia barat meneroka alam untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Ia dibuat dalam bentuk mengumpul dan mendokumentasikan semua warisan, artifak, manuskrip samada dalam bentuk *tangible* dan *intangible* milik tamadun masyarakat seluruh dunia, khususnya masyarakat tanah jajahan.

Hasil daripada gerakan permuziuman ini telah melahirkan pelbagai perkembangan ilmu kemanusiaan dan sains yang cukup memberangsangkan. Ia telah menjadi asas kepada perkembangan pelbagai pendekatan kajian ilmu kemanusiaan dan sains yang mendominasi perkembangan tamadun dunia menjana munculnya penjajahan dan revolusi industri.

Gerakan permuziuman pada zaman *Enlightenment* (abad 17 dan 18 M) di Eropah telah menekankan dua intipati utama; *Pertama*, kepercayaan yang tinggi diberikan kepada sains yang menekankan penggunaan akal saintifik dalam pemahaman sesuatu perkara tentang alam semulajadi. Ia secara langsung menolak autoriti agama dan tradisi silam. Penekanan utama diberikan kepada pemikiran sains yang kononnya dapat memberikan penjelasan logik dan saintifik pada sesuatu perkara. Dalam segenap perkara, proses pembelajaran dan pemahaman sesuatu perkara perlu digunakan pendekatan sains iaitu melalui kaedah mengumpul, mencatat, mengukur elemen fizikal, membentuk hipotesis yang kemudiannya akan diuji kebenaran hipotesis serta teori ilmu melalui pengujian yang berterusan.

Falsafah *Enlightenment* ini menuntut semua pihak perlu terlibat dalam kegiatan ilmu. Keterlibatan ini samada sebagai pengajar, pencari ilmu, penyelidik dan penaja kepada usaha mencari ilmu. program pencarian ilmu dianggap lebih berharga daripada usaha pencarian harta kekayaan. Masyarakat Barat seperti British dan Perancis memaklumi bahawa dengan penggunaan ilmu mereka bakal dapat menguasai dan menjajah masyarakat lain, khususnya di luar Eropah seperti Afrika, Timur Tengah dan Asia.

Kedua, terdapat tujuh disiplin ilmu yang berkembang pada masa ini. Kesemuanya telah diterangkan dalam aktiviti muzium yang terdiri:

1. Pengetahuan tentang alam semulajadi. Kajian membabitkan bidang ini telah diusahakan oleh pengkaji barat yang mengisi koleksi muzium barat. Ia terdiri bidang botani, zoologi, mineral dan sebagainya.
2. Arkeologi.
3. Seni dan tamadun.
4. Skrip (sistem tulisan) klasik.
5. Agama.
6. Perdagangan dan penemuan kawasan baru.
7. Klasifikasi alam dunia.

Menurut Margaret Hedstrom (2007), aktiviti muzium yang membabitkan ketujuh bidang ini perlu dilakukan melalui beberapa cara. *Pertama*, mengumpul semua aspek fizikal berupa objek, artifak, monumen dan manuskrip. Manakala yang *kedua*, mencatat semua perkara asas tentang koleksi seperti latar belakang sejarah objek yang dikumpulkan iaitu dimana, oleh siapa, untuk tujuan apa kegunaan objek terbabit. Seterusnya yang *ketiga*, mengklasifikasi koleksi muzium yang terkumpul kepada beberapa kategori tertentu untuk tujuan pemerolehan pengetahuan yang lebih mendalam.

Pembahagian koleksi muzium dibuat mengikut saintifik *Taxonomi* yang dibahagi kepada bidang seni, sejarah dan sains. Penerangan setiap bahan disusun secara rasional yang mudah difahami oleh akal yang waras dan bukannya sekadar untuk bermegah kerana memiliki elemen misteri yang tidak logik.

Penekanan Islam kepada Usaha Konservasi Warisan, Monumen, Dokumen dan Artifak Sejarah

Sejak awal lagi, Islam menekankan agar semua dokumen sejarah penting untuk dijaga dan dicatatkan perlu dikonservasikan. Hal ini terbukti apabila sistem *isnad* diperkenalkan demi untuk menjaga autoriti dan kebenaran sesuatu dokumen dalam Islam (Siti Fahimah, 2014).

Muzium dapat bertindak sebagai institusi semi pendidikan yang mampu menerapkan kesedaran sejarah kepada masyarakat. Ia tidak harus dilihat sebagai institusi gajah putih yang terpisah daripada falsafah sejarah Islam. Sebaliknya ia harus dilihat secara mendalam membabitkan elemen falsafah

khususnya apa yang disumbangkan oleh institusi terbabit. Maksudnya, ia harus dapat menjana pemikiran sejarah bagi setiap pengunjungnya (Mehdi Hodjat, 1995).

Pendidikan Islam akan menjadi lebih berkesan apabila digunakan melalui mekanisme muzium. Pengkaji moden telah mengakui hal ini sehingga mereka menekankan pentingnya diterapkan pedagogi pendidikan berasaskan muzium. Keberkesanan ini berpunca daripada kelebihan pendidikan berasaskan muzium yang memungkinkan pengunjung memahami sesuatu fakta melalui pembuktian objek/artifak dan bukannya secara teori abstrak sepertimana dipelajari di sekolah (Badrul Isa, 2017).

Keberkesanan Muzium Menerapkan Ilmu kepada Pengunjung

Di muzium, maklumat ilmu yang disampaikan kepada pengunjung bukan lagi terhenti kepada buku teks seperti di sekolah. Mengikut Ab Samad Kechot (2012), pengunjung muzium diajar untuk memperluaskan horizon pemahaman apabila mereka didedahkan dengan bahan-bahan asli seperti artifak. Hasilnya, persembahan di muzium lebih menarik kerana:

Pertama; ia akan mudah diingati yang kemudiannya menjadi ingatan kekal dalam minda seseorang pengunjung. Contoh yang paling jelas adalah pengunjung akan mudah memahami dan mengingati peristiwa Perjanjian Pangkor kerana didedahkan dengan visual perjanjian terbabit di atas Kapal Pluto di Perak.

Kedua, ia bersifat interaktif, di mana kita bebas menyuarakan pandangan apabila melihat sesuatu artifak. Contohnya pengunjung bebas bertanyakan soalan secara kritikal apabila melihat gambar tuntutan kemerdekaan Tanah Melayu.

Ketiga, ia dapat menjana pemikiran kritikal apabila melihat sesuatu artifak. Proses ini membabitkan usaha menjana pemikiran tahap tinggi yang terdiri daripada: 1) mencetuskan sifat ingin tahu yang tinggi; 2) menekankan isu pembuktian kepada sesuatu fakta; 3) mengaitkan faktor sebab musabab; 4) usaha mengkaji isu kontekstual sesuatu objek dan 5) usaha mempelajari hikmah dan manfaat daripada sesuatu objek (S. Azman Ligon, 2017).

Muzium Sebagai Alat Memperlihatkan Sumbangan Islam kepada Tamadun Dunia

Muzium boleh mendidik masyarakat tentang sumbangan Islam kepada tamadun dunia dan menolak fahaman ekstremism, termasuk falsafah *iconoclasm* melampau. Lagipun, dalam perkembangan terkini, selepas peristiwa 9/11 memang terdapat beberapa usaha positif yang dilakukan oleh penggiat muzium antarabangsa untuk menolak sifat Islamophobia yang dikaitkan dengan Islam (Melissa Mary Forstrom, 2017). Mereka telah mempergunakan galeri kesenian Islam untuk tujuan ini. Apa yang jelasnya, mereka telah mempergunakan karya seni Islam dalam bentuk dan bahasa yang bebas daripada pengaruh politik yang rata-ratanya anti Islam (Louise Ryan, 2015).

Mereka memahami bahawa seni Islam adalah karya insani yang mengungkapkan keindahan dalam dua bentuk. *Pertama* mengekspresikan intuisi dan imaginasi seniman Islam. *Kedua* merefleksikan pandangan dunia (*world-view* Islam) yang lebih holistik. Hal ini ditegaskan oleh Will Durant:

“Islamic art overrode all limites of place and time, laughed at distinctions of race and blood, developed a unique and yet varied character, and expressed the human spirit with a profuse delicacy never surpassed”.

(Will Durant, 1950)

Dalam bahasa lainnya, proses penciptaan seni Islam itu sendiri adalah sebahagian daripada proses pengabdian atau ibadah kepada Allah SWT. Di dalam setiap proses penciptaan seni Islam mengandungi unsur-unsur pengagungan (*tabbīr*), pemujian (*tahmīd*), dan penyucian (*tasybīh*) kepada Allah SWT dan penghormatan (*salawāt*) untuk Rasulullah SAW serta penyebaran perdamaian (*salām*) bagi seluruh makhlukNya (Muhammad Budi Santoso, 2018). Dengan kata lain, dalam proses

penciptaannya, seni Islam mengandungi nilai (*tazkiyah*) sebuah upaya pembersihan spiritual yang merupakan intipati dari ibadah itu sendiri (Armahedi Mahzar, 1993).

Mengikut Louise Ryan (2015), setiap maklumat untuk galeri Islam yang dipamerkan perlu disertakan dengan penerangan tentang siapa, untuk apa, daripada mana dan terpenting sekali falsafah ia dihasilkan. Dalam setiap galeri ini, antara lainnya mereka berjaya menonjolkan sifat ajaran Islam sejati yang berbentuk rahmah, wasatiyyah, Tauhid dan Maslahah berasaskan bukti sejarah dalam bentuk *tangible* dan *intangible*. Ahmad Farid Abdul Jalal, (2019) menyatakan bahawa antara bukti ini adalah teks manuskrip klasik, hasil seni dan artifak sains yang membuktikan sumbangan Islam kepada tamadun dunia.

PENDEKATAN WASATIYAH DALAM MEMBENTUK KONSEP FIQH MUZIUM

Wasatiyyah adalah teras terpenting ajaran Islam. Wasatiyyah ini adalah hierarki tertinggi pengamalan Islam yang terhasil akibat pembelajaran dan perenungan secara mendalam dengan ajaran Islam (Mahmood Zuhdi Abd Majid, 2013). Ia membabitkan elemen kognitif, afektif dan psikomotor sekaligus. Wasatiyyah adalah fitrah (*build in instinct*) yang dimasukkan dalam diri manusia sejak ia dilahirkan. Maknanya secara fitrahnya semua manusia akan menyukai wasatiyyah dan menentang sebarang bentuk tindakan melampau (Rahimin Affandi Abd Rahim, 2006).

Kita patut meniru apa yang dilakukan oleh Yusof al-Qardawi, apabila beliau menegaskan bahawa penulisan fiqh jihadnya adalah untuk mengambil jalan tengah yang saling bertentangan dalam isu jihad dalam Islam. Untuk tujuan yang lebih praktikal, Fiqh Muzium perlu dibangunkan menggunakan pendekatan wasatiyyah Qardawi. Model wasatiyyah Qardawi ini mendapat pujian daripada kebanyakan sarjana, termasuk sarjana Barat sendiri yang mengakui keunggulan model wasatiyyah ini (Sagi Polka, 2003). Ia dikatakan lebih bersesuaian dengan mentaliti manusia sejagat.

Mengikut al-Qardawi, wasatiyyah membawa maksud pertengahan atau kesederhanaan di antara dua pihak yang saling bertembungan dan berlawanan, yang mana tidak hanya satu pihak yang memberi kesan dan menyingkirkan pihak yang lain, dan setiap pihak tidak mengambil lebih daripada hak masing-masing yang sepatutnya. Di antara contoh dua pihak yang saling berlawanan tersebut ialah ketuhanan dan kemanusiaan, ukhrawi dan duniawi, wahyu dan akal serta individu dan kumpulan (Mohd Anuar Ramli, 2018).

Berasaskan kepada skema Islamisasi ilmu di atas, pembentukan Fiqh Muzium perlu mengaplikasikan pendekatan wasatiyyah.

Bergantung kepada Sumber Asas Wahyu dan Ijtihad

Walaupun al-Quran bukannya merupakan kitab sejarah *per se*, tetapi ia merupakan sumber asas untuk sebarang maklumat Islam menyentuh isu sejarah. Penggunaan sumber al-Quran dan al-Sunnah untuk subjek muzium mesti memenuhi beberapa syarat utama, iaitu:

Pertama: Perlu berasaskan kepada kitab tafsir al-Quran dan Sunnah yang muktabar dan mengelakkan terjebak dengan tafsiran Israilliyyat. Fokus utama perlu diberikan kepada ayat *muhkamah* dan bukannya *mutasyabihat*. Hal ini penting bagi mengelakkan elemen salah faham tidak berlaku dalam mentafsir ayat al-Quran yang *mutasyabihat*. Ayat al-Quran yang bertaburan tetapi mempunyai perkaitan perlu diletakkan dalam satu tema tertentu kerana al-Quran saling membenarkan serta mentafsirkan satu sama lain. Di dalam memahami ayat al-Quran, kaedah yang digunakan oleh al-Qardawi adalah dengan mengembalikan ayat-ayat *mutasyabihat* kepada ayat-ayat *muhkamat*. Bahkan beliau berpendapat bahawa golongan yang sesat adalah mereka cuba menjadikan ayat-ayat *mutasyabihat* sebagai asas. Lebih penting lagi proses tafsiran ini perlu sama dibantu dengan huraian hadis dan sejarawan Islam.

Kedua: Sumber al-Quran dan al-Sunnah perlu digunakan untuk menghuraikan *world view* Islam bagi sesuatu tema galeri muzium terpilih. Contohnya, bagi kegunaan muzium Islam, ayat al-Quran dalam Surah al-Hujurat (49: 13) boleh digunakan untuk tema muzium dan konsep *multicultural*. Ayat

ini secara langsung menerangkan bahawa Allah SWT menjadikan manusia yang pelbagai dan bukannya sama sebagai tanda kehebatan kreativiti Allah SWT. Tujuannya adalah untuk manusia saling belajar mengenali satu sama lain.

Ayat ini juga menunjukkan bagaimana Islam mengakui kepelbagaian manusia sebagai tanda kebesaran Allah SWT yang perlu dipelajari melalui usaha kajian terhadap warisan budaya milik sesuatu kelompok manusia. Lebih tepat lagi, Islam mengakui kepelbagaian manusia yang dapat dikesan melalui warisan budaya nyata dan tidak nyata. Keduanya perlu dijaga dan dipelajari oleh manusia. Warisan tamadun ini yang terdiri daripada artifak dan monumen mengandungi banyak perkara yang boleh dipelajari oleh manusia. Ia termasuk hasil seni dan kearifan tempatan milik sesuatu masyarakat berhadapan dengan cabaran alam.

Fiqh Muzium perlu mempergunakan warisan koleksi ilmu Islam secara berhemah. Penggunaan kedua warisan ini perlu bebas daripada sifat fanatik mazhab. Setiap isu dikupas secara ilmiah tanpa terikat kepada kemasyhuran seseorang tokoh ulama. Kaedah pentarjihan setelah penilaian, penganalisisan dan kritikan digunapakai dalam menguatkan atau melemahkan mana-mana pandangan. Gabungan khazanah ulama silam dengan pandangan serta rujukan ulama kontemporari turut dijadikan petunjuk. Kita patut meniru *manhaj* yang dipakai oleh al-Qaradawi yang tidak hanya tertumpu kepada pandangan mazhab sunni yang muktabar, bahkan turut menjadikan pandangan mazhab yang sudah luput serta mazhab-mazhab Syiah sebagai rujukan dan pegangan jika beliau mendapati ada jalan penyelesaian dalam mazhab tersebut yang selari dengan ruh agama. Beliau juga terkadang meninggalkan mazhab dan beralih kepada pandangan para sahabat dan tabien yang tidak mempunyai mazhab.

Wasatiah dalam Menerima Tiga Paradigma Berbeza untuk Konsep Muzium Moden

Pada dasarnya terdapat tiga paradigma utama umat Islam dalam isu muzium. *Pertama*, golongan sekularis yang menerima konsep muzium barat tanpa apa-apa penambahan. Pendekatan ini terpaksa ditolak kerana kelemahannya yang suka bertaqlid secara membuta tuli dengan semua warisan barat. Hal ini ditegaskan oleh Syed Hussin Al-Attas (2005) bahawa golongan ini mengidap penyakit watak mentaliti tertawan yang menerima semua perkara daripada barat secara membuta tuli kerana kononnya semuanya moden dan patut ditiru.

Kedua, golongan ekstremis (Wahabi-Salafi jihad) yang menolak institusi muzium secara mutlak kerana ia berasal daripada budaya barat. Ia bersesuaian dengan beberapa prinsip Islam berpandukan pegangan mereka yang agak mengelirukan. Ianya terdiri daripada beberapa aspek berikut iaitu:

1. Prinsip *Wala Wa Baraah* iaitu melarang tindakan meniru formula asing sebagai bukti ketaatan kepada prinsip Islam. Mereka secara mutlak tertutup minda dan memaksa penganut Islam lain untuk menolak formula asing tanpa kompromi (Mohamed Ali, 2012).
2. Literalis iaitu teks Islam wajib difahami secara literal. Hal ini amat malang sekali kerana Islam turut mengandungi elemen falsafah ataupun memiliki maksud lain di sebalik teks zahir.
3. Mereka tidak mengakui kemampuan akal kreatif untuk mentafsir teks Islam.
4. Pegangan falsafah *Iconoclasme* (Natalie N. May, 2012). *Iconoclasme* adalah merujuk kepada tindakan:
 - a. Memusnahkan semua objek, ikon, imej dan monumen sejarah sama ada di pusat ibadat, kubur, pusat pendidikan dan tempat awam.
 - b. Mengharamkan sebarang hasil seni yang berupa usaha melukis atau meniru objek hidup dalam bentuk haiwan atau manusia. Lebih penting lagi, ia turut mengharamkan sebarang usaha melukiskan elemen alam metafizik seperti Allah, syurga, neraka, Nabi dan sebagainya. Kesemua perbuatan ini diharamkan dalam Islam kerana ia bakal menjadikan seseorang itu terjerumus ke lembah syirik. Lebih khusus lagi, ia termasuk kepercayaan atau pendewaan terhadap fahaman politik bukan Islam dan menolak kedaulatan hukum Allah SWT. Hujah utama falsafah iconoclasme adalah untuk mengelakkan berlakunya pendewaan melampau kepada tokoh-tokoh sejarah yang telah meninggal dunia. Bagi mereka, tindakan pendewaan ini akan menyebabkan berlakunya usaha menghidupkan berhalwa baru yang secara pastinya bakal

menyebabkan amalan syirik berkembang secara tidak langsung dalam masyarakat (Mohamed Elaskary, 2017).

Ternyata pandangan dan hujah yang dipegang oleh golongan ini amat lemah. Tidak semestinya apabila ada artifak sejarah milik tamadun pra Islam akan menyebabkan kesyirikan itu muncul. Adalah mustahil juga penganut Islam akan menjadi penyembah berhala andainya artifak sejarah silam ini kekal disimpan dalam sesebuah muzium. Mereka tidak mengakui kemampuan akal manusia untuk memahami pengajaran sejarah daripada artifak sejarah silam. Contohnya sahabat Nabi SAW tidak menghancurkan warisan artifak sejarah milik tamadun pra Islam, kerana mereka tahu ia boleh dijadikan alat untuk mempelajari sejarah umat silam.

Bagi Fazlur Rahman (1979), ia mengatakan golongan ini mengidap sindrom kekeringan intelektual yang berlaku akibat penolakan kepada pendekatan falsafah dalam kajian ilmu. Secara negatifnya, paradigma ini tidak dapat menjana pemikiran yang sihat kerana lebih suka menilai segala perkara termasuklah institusi muzium menggunakan pendekatan legal formalistik (hitam putih), tanpa mengambilkira soal falsafah dan latar belakang sejarah yang terkandung di dalamnya. Hal ini timbul akibat daripada sikap gerakan Wahabisme yang memusuhi ilmu falsafah yang dikatakan berasal daripada pengaruh bukan Islam iaitu pengaruh Yunani. Kesannya, seperti yang ditegaskan oleh Fazlur Rahman, sikap memusuhi falsafah ini telah menjemput kepada kelemahan pemikiran umat Islam. Beliau menerangkan:

“Philosophy is however a perennial intellectual need and has to be allowed to flourish both for its own sake and for the sake of other disciplines, since it inculcates a much-needed analytical-critical spirit and generate new ideas that become important intellectual tools for other sciences not least for religion and theology. Therefore, a people that deprives itself of philosophy necessarily etidakpose itself to starvation in terms of fresh ideas- in fact it commits intellectual suicide”.

(Fazlur Rahman, 1982)

Ketiga, golongan reformis yang mengambil sikap pertengahan (Wasatiyyah). Mereka memaklumi bahawa secara konseptual asasnya institusi muzium memang bersesuaian dengan falsafah Islam. Namun begitu, selain konsep muzium Barat membawa elemen positif untuk masyarakat Islam, ia juga mengandungi falsafah dan *worldview* sekularisme. Jadi sebelum ianya boleh diterima pakai oleh umat Islam, ia perlu *direview*, dibersihkan dan diterapkan dengan *world-view* Islam.

Wasatiyah Dengan Etika Muzium Moden

Perjalanan muzium perlu terikat dengan syarat, piawaian dan etika khusus bagi memastikan kerja-kerja kurator lebih beretika dan menepati etika kemanusiaan sejagat. Etika ini agak ketat ditetapkan oleh ICOM (Gary Edson, 1997). Muzium di Malaysia telah menerimapakai piawaian ICOM ini sejak mencapai kemerdekaan. Antara etika yang relevan diketahui untuk diterapkan dengan prinsip Islam iaitu:

Pertama: Muzium dan tanggungjawab memelihara, menjelas dan mempromosi alam semulajadi, budaya untuk perkembangan manusia. Muzium bertanggungjawab untuk memperoleh, memelihara dan mempromosi sesuatu koleksi bagi mempertahankan warisan semulajadi, budaya serta warisan saintifik.

Kedua: Muzium dan isu perolehan koleksi. Ia menetapkan muzium tidak boleh memperoleh atau menerima objek dan spesimen hasil dari kerja lapangan yang haram serta tidak sah atau objek yang menyebabkan kemusnahan monumen, tapak arkeologi atau geologi, mahupun spesies dan habitat semulajadi. Dalam kata lain, perolehan tidak boleh berlaku sekiranya bahan/spesimen gagal dikenalpasti siapa pemilik atau pemilik tapak/tanah atau kerajaan/pihak berwajib. Selanjutnya, tinggalan mayat dan bahan-bahan suci (agama) milik penganut agama apabila perlu wajib disimpan dengan selamat dan dengan penuh hormat. Ini selaras dengan *standard* profesional serta pentingnya kepercayaan, etnik dan agama masyarakat dari mana objek atau spesimen diperolehi.

Ketiga: Penjagaan koleksi. Muzium perlu menetapkan polisi yang memastikan koleksi (tetap dan sementara) dan yang disimpan direkod dengan sempurna, boleh digunakan pada masa sekarang dan boleh digunakan untuk jangka masa yang akan datang dengan selamat dan praktikal, seiring dengan perkembangan ilmu dan sumber. Tanggungjawab profesional termasuk penjagaan koleksi seharusnya dipertanggungjawabkan kepada pihak yang mempunyai ilmu dan kemahiran atau seseorang yang diperhatikan. Koleksi muzium perlu didokumentasi mengikut piawaian profesional. Dokumentasi perlu termasuk pengenalan lengkap dan deskripsi setiap koleksi, syarat, wilayah asal, penjagaan dan dimana ia ditempatkan. Data-data perlu disimpan di tempat yang selamat dan mempunyai sistem pengesanan yang baik supaya dapat dikesan mudah oleh pegawai atau yang berkaitan.

Keempat: Muzium dan isu penyelidikan. Dalam soal ini, muzium yang melakukan penyelidikan mengambil koleksi lapangan perlu mencipta dasar serta polisi yang seiring dengan piawaian akademik serta boleh diguna pakai di peringkat nasional dan antarabangsa (perundangan). Kerja lapangan perlu mengambil kira pendapat atau sensitiviti masyarakat setempat, sumber mereka dan amalan budaya disamping mencari warisan budaya serta semulajadi. Penyelidikan yang dijalankan oleh pegawai muzium perlu berkait dengan misi dan objektif muzium serta mengikut perundangan, etika dan akademik. Penyelidikan terhadap mayat dan bahan suci perlu dibuat dengan piawaian yang profesional dan mengambil kira kepercayaan, etnik dan agama komuniti dari mana bahan itu didapati. Muzium mempunyai satu tanggungjawab untuk berkongsi ilmu dan pengalaman dengan rakan sekerja, ahli akademik dan pelajar dalam bidang yang berkaitan. Mereka perlu menghormati dan mengiktiraf pihak yang telah mengajar dan mengembangkan ilmu tersebut kepada awam. Pegawai muzium perlu mengiktiraf dan menyokong keperluan kerjasama di antara institusi yang berkongsi minat dan koleksi yang sama. Keutamaan kepada institut pendidikan tinggi serta badan-badan yang boleh menyumbang kepada koleksi.

Kelima: Muzium dan peranan pendidikan. Terdapat pelbagai penjelasan yang boleh diberikan iaitu:

- a. Muzium mempunyai tugas penting dalam memperkembang fungsi pendidikan mereka dan menarik lebih ramai pengunjung dari komuniti setempat. Hubungan baik dengan komuniti dan mempromosikan warisan merupakan salah satu tugas penting muzium dalam bidang pendidikan.
- b. Untuk setiap galeri pameran sama ada berbentuk fizikal atau elektronik perlu seiring dengan misi, dasar/polisi dan tujuan sesebuah muzium. Muzium tidak seharusnya menepikan kualiti atau penjagaan dan konservasi mana-mana koleksi.
- c. Untuk proses interpretasi sesuatu pameran, Muzium seharusnya memastikan maklumat yang diletakkan pada panel pameran adalah mempunyai penyelidikan yang baik, tepat serta mengambil kira juga agama dan kepercayaan sesetengah kaum atau kumpulan.
- d. Untuk pameran bahan sensitive seperti mayat dan bahan suci perlu disusun dengan piawaian profesional dan mengambil kira kepercayaan, etnik serta minat tempat asal objek tersebut. Ia perlu dipersembahkan dengan cara yang baik dan terhormat serta bermaruah.

Keenam: Muzium dan kerjasama dengan masyarakat. Koleksi muzium melambangkan warisan budaya dan semulajadi yang diadaptasi dari komuniti setempat. Hal ini boleh jadi termasuk dengan identiti nasional, negeri atau kawasan, tempatan, etnik, agama atau politik. Oleh itu, adalah penting untuk dasar-dasar muzium berkait rapat dengan pewatakan ini. Muzium perlu mempromosi perkongsian ilmu, dokumentasi/data dan koleksi dengan muzium-muzium dan organisasi budaya di dalam negara. Kebarangkalian untuk melebarkan kerjasama dengan muzium-muzium yang kehilangan signifikan warisan mereka perlu lebih dititik beratkan.

Ketujuh: Isu pemulangan harta warisan dan bahan budaya dari negara dijajah.

- a. Muzium harus sentiasa bersedia untuk melakukan perbincangan untuk pemulangan harta warisan kepada sesebuah negara atau masyarakat asal objek tersebut. Ia harus dilaksanakan secara tidak berat sebelah berdasarkan prinsip saintifik/ilmiah, profesional dan kemanusiaan

serta perundangan tempatan, nasional dan antarabangsa yang berlaku, sebagai pilihan untuk bertindak di peringkat pemerintahan atau politik.

- b. Apabila sesebuah negara atau masyarakat menginginkan pemuliharaan objek/spesimen yang telah terbukti melanggar undang-undang nasional atau antarabangsa - dan ia terbukti adalah hak milik negara/masyarakat itu - muzium seharusnya bertanggungjawab serta bekerjasama dalam pemulangan objek tersebut.
- c. Muzium seharusnya mengelak dari membeli/menerima bahan-bahan budaya daripada negara/kawasan yang dijajah serta perlu menghormati kesemua undang-undang serta konvensyen yang membolehkan import, eksport dan pemindahan hak milik bahan warisan budaya serta semulajadi.
- d. Apabila aktiviti muzium melibatkan komuniti kontemporari atau warisan mereka, perolehan perlu dibuat berdasarkan maklumat dan persetujuan bersama tanpa eksploitasi pemilik atau pemberi maklumat. Kehendak masyarakat yang terlibat juga perlu diambil kira.
- e. Penggunaan koleksi dari komuniti kontemporari memerlukan penghormatan kepada maruah serta tradisi dan warisan yang digunakan. Koleksi yang ada perlu mempromosi kebaikan serta perkembangan sosial, tolak ansur dan hormat dengan mengadapatasi ekspresi yang berbilang budaya, bahasa serta sosial.

Menyeimbangkan diantara Perkara *Thawabit* (Tetap) dan *Mutaghayirat* (Boleh Berubah)

Thawabit ialah perkara-perkara berkaitan agama yang tetap dan tidak akan berubah. Contohnya ialah perkara berkaitan akidah, kewajipan ibadah fardu, prinsip-prinsip akhlak dan dalil-dalil *Qat'ie*. Manakala *Mutaghayirat* pula ialah perkara *furu'* yang boleh menerima perubahan menurut konteks semasa. Contohnya ialah ilmu pertanian, perubatan dan kejuruteraan. Oleh itu pendekatan wasatiyyah menggabungkan kedua-dua aspek ini dan menyeimbangkannya. Sebagai contohnya ialah tegas dalam perkara usul dan prinsip umum manakala fleksibel pada perkara *furu'* dan bersifat *juz'iyah*. Bersikap tegas dalam nilai-nilai agama dan akhlak manakala fleksibel pada urusan-urusan berbentuk duniawi (Yusuf Al-Qaradawi, 2006).

Kita boleh mengenalpasti perkara *thawabit* (tetap) adalah menolak semua perkara yang bertentangan dengan prinsip Tauhid (Syirik). Ia membabitkan kognitif dan efektif. Bagi aspek kognitif (kefahaman), ia merujuk kepada kefahaman tentang konsep Tauhid yang merupakan asas terpenting ajaran Islam yang tidak ada tolak ansur di dalamnya. Dalam prinsip Tauhid ini, seseorang insan itu perlu mengambil maklum berkenaan hakikat Tauhid dalam setiap perbuatannya samada berhubungan dengan Allah SWT ataupun makhluk. Ianya bukan terhad kepada pemahaman keesaan Allah SWT semata-mata, tetapi juga turut merangkumi beberapa intipati yang lain iaitu:

- a. Perbezaan yang jelas di antara Tuhan dengan makhluk. Tuhan adalah Tuhan dan ianya berbeza daripada makhluk dimana makhluk dalam apa bentuk sekalipun bukannya jelmaan daripada Tuhan yang harus ditakuti.
- b. Alam dan makhluk adalah ciptaan Allah SWT Yang Maha Berkuasa secara mutlak, di mana kedua-duanya hanya tunduk dan mentaati Allah SWT semata-mata.

Perbuatan syirik kepada Allah SWT tidak dibenarkan sama sekali, kerana ianya mengakibatkan kezaliman yang amat besar dan tidak akan diampunkan oleh Allah SWT. Perbuatan syirik ini boleh berlaku dalam dua bentuk, sama ada menyekutukan Allah SWT dengan kuasa ketuhanan yang lain ataupun menjadikan manusia atau nafsu sebagai kuasa penentu yang bertaraf seolah-olah seperti Tuhan. Dengan kata lain, kedua-dua bentuk syirik ini iaitu *Syirik Jali* dan *Syirik Khafti* perlu disedari sepenuhnya oleh umat Islam. Matlamat utama daripada pendekatan anti-syirik ini adalah bagi menjuruskan pengabdian insan hanya kepada Allah SWT, yang bakal melahirkan manusia yang berjiwa bebas, merdeka dan tidak tunduk kepada manusia dan selainnya yang boleh menggantikan posisi Tuhan.

Berbanding dengan makhluk lain, manusia adalah ciptaan Allah SWT yang terbaik yang dipertanggungjawabkan dengan tugas sebagai khalifah di atas muka bumi ini bagi pihak Allah SWT.

Tugas ini perlu dilaksanakan dengan mengambilkira garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Ketaatan yang mutlak tanpa kritis kepada mana-mana kuasa ataupun manusia ditolak di dalam Islam. Neraca tertinggi untuk sesuatu kebenaran bukan terletak kepada individu, parti dan puak (pendekatan non-partisan), tetapi perlu dinilai mengikut garis panduan wahyu Allah SWT. Hal ini bakal menghilangkan benih awal untuk sesuatu pendekatan fanatik di dalam setiap tindakan. Hakikat Tauhid ini perlu dijadikan sebagai matlamat utama kehidupan manusia ataupun dianggap sebagai mikro kosmik (teras asas perjuangan hidup).

Manakala untuk aspek efektif, ia membabitkan sikap, amalan dan objek yang terhasil daripada syirik iaitu:

- a. Artifak/Ukiran yang berjasad seperti patung yang menjurus pada berhala. Ia tidak kira samada patung itu lengkap ataupun tidak.
- b. Lukisan manusia atau binatang yang ada elemen penyembahan seperti berhala. Ia termasuk arca atau berhala milik tamadun pra Islam milik masyarakat Melayu sendiri. Tidak dibolehkan untuk berbangga dengan warisan bukan Islam yang menjurus kepada kesyirikan kepada Allah SWT.

Selain itu, perjalanan muzium mesti tiada mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan prinsip Islam. Ia membabitkan unsur pembaziran, fitnah atau pembohongan fakta, unsur ekstremisme agama, unsur *tasyabbuh* dengan agama lain, kezaliman kepada sesama manusia, kelucahan melampau, kemewahan melampau, sistem feudalisme yang bertentangan dengan prinsip asas Islam, falsafah dan tindakan merosakkan ekologi alam, elemen maksiat dan melalaikan seperti pergaulan lelaki dan perempuan tanpa batas dan melengah lengahkan kewajipan utama, unsur perjudian (pertaruhan) dan wujudnya elemen *syubhah* (keadaan adanya percampuran elemen haram dan halal) dalam sesuatu benda atau artifak.

KESIMPULAN

Rumusan akhirnya, kita perlu mewujudkan fiqh muzium bagi tujuan menyediakan kerangka muzium yang bernuansakan semangat islam. kandungan fiqh muzium ini perlu memperlihatkan sifat islam yang mesra muzium. ia diikuti dengan pendekatan kritikal, selektif dan wasatiyyah dengan konsep muzium moden. kesemua fakta ini perlu diketahui oleh penggiat muzium moden. antara lainnya, fiqh muzium ini bersikap terbuka dengan etika muzium yang ditetapkan oleh icom. akhirnya, konsep dan prinsip aplikasi fiqh muzium perlu diperkukuhkan lagi melalui kajian yang berterusan membabitkan subjek muzium islam.

PENGHARGAAN

Dapatan ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran (FRGS/1/2021/SSI0/UITM/02/35): yang bertajuk “Pembinaan Garis Panduan Muzium Patuh Syariah di Malaysia” yang dianugerahkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ucapan penghargaan ditujukan kepada pihak KPM di atas penganugerahan geran ini sehingga membolehkan kajian diteruskan bagi mencapai objektif yang digariskan.

RUJUKAN

- Abdul Hamid bin Othman. (1976). *Shāfi'ī and the Interpretation of the Role of the Qur'ān and the Ḥadīth*, Tesis PhD The University of St Andrews.
- Abdul Rahman Abdullah. (2001). *Falsafah dan Kaedah Pemikiran*. Kuala Lumpur, h. 90-91.
- Ahmad Farid Abdul Jalal. (2019). *Pengaruh British dalam Institusi Muzium di Malaysia: Kajian di Muzium Negeri Pahang*, Tesis Sarjana Untuk Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, APIUM.

-
- Al-Attas, S. H. (2005). *Watak Tertawan Di Negara Membangun*, Ed. Mohamad Daud Mohamad. Dalam *Pascakolonialisme dalam Pemikiran Melayu*, h. 2-10, Kuala Lumpur: DBP.
- Armahedi Mahzar. (1993). *Islam Masa Depan*, Bandung: Penerbit Pustaka, h. 17
- Ashadi L. Diab. (2017). *Maqashid Kesehatan & Etika Medis dalam Islam (Sintesis Fikih Dan Kedokteran)*, Yogyakarta: Deepublish.
- Badrul Isa. (2017). *Museum Pedagogy and Learning Experiences: An Investigation into Museum Education from Instructional Perspectives*, Tesis Phd Untuk School of Education, College of Design and Social Context, RMIT University, h. 23-50.
- Fazlur Rahman. (1982). *Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition*, Chicago and London: The University of Chicago Press, h. 157-158.
- Fazlur Rahman. (1979). *Islam: Challenges and Opportunities. Dalam Alford T. Welch, Islam: Past Influence and Present Challenge*. h. 315-330, Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Gary Edson. (1997). *Museum Ethics*. Routledge: London and New York.
- Instead. (2004). *Commission on British Muslims and Islamophobia*. London: Instead.
- Juozas Valčiukas. (2018). *Islamic Law: A Question of Adaptability*, Tesis PhD, Mykolas Romeris University.
- Kaitlyn Armendariz. (2017). *Culturalcide: The Systematic Destruction and Rewriting of World History at The Hands of ISIS*, Tesis Sarjana, The University of Arizona.
- Louise Ryan. (2015). *Transcending Boundaries: The Arts of Islam: Treasures from The Nassar D. Khalili Collection*, Tesis PhD, Institute for Culture and Society University of Western Sydney.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid (2013), *Pendekatan Wasatiyyah dan Cabaran Eksterimism di Malaysia. dalam Wasatiyyah Pemacu Peradaban Negara*. h. 5-16, Kuala Lumpur: Institut Wasatiyyah Malaysia.
- Mehdi Hodjat. (1995). *Cultural Heritage in Iran: Policies for an Islamic Country*, Tesis PhD, Institute of Advanced Architectural Studies, The King's Manor, University of York.
- Melissa Mary Forstrom. (2017). *Interpretation And Visitors in Two Islamic Art Etidakhibitons*, Tesis PhD, The University of Westminster.
- Mohamed Bin Ali (2012), *The Islamic Doctrine of Al-Wala' Wal Bara' (Loyalty and Disavowal) In Modern Salafism*, Tesis PhD, University of Exeter.
- Morgan Cloud. (2016). *Bulldozers in the Desert: The Framing of Cultural Heritage Destruction in Palmyra in 2015*, Tesis Sarjana, George Mason University, University of Malta.
- Okan Dogan. (2015). *Rethinking Islamic Jurisprudence for Muslim Minorities in The West*. Tesis Sarjana, The University of Texas at Austin.
- Omar Al-Serhan. (2016). *The Impact of Religiously Motivated Boycotts on Brand Loyalty Among Transnational Consumers*, Tesis PhD, Cardiff Metropolitan University.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2006). *Ilmu Dan Kepimpinan Islam dalam Nor Raudah Siren (ed.), Dakwah Islam Semasa: Konsep Dan Pelaksanaan*. h. 25-38, Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Siti Suriawati Isa. (2012). *Development Issues for The Creative Economy in Malaysia*. Tesis PhD, Queensland University of Technology.
- Will Durant. (1950). *The Age of Faith dalam The Story of Civilization IV*. New York: Simon and Schuster, h.271.
- Yusuf Al-Qaradawi. (2006). *Approaching The Sunnah Comprehension & Controversy*. London: The International Institute of Islamic Thought.
-

-
- Ab Samad Kechot. (2012). Pendidikan Warisan Di Muzium: Kajian Berkaitan Penggunaan Laras Bahasanya. *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 8 Issue 8, h. 35 – 46.
- Ahmad Farid Abd Jalal. (2022). Perkembangan Institusi Memori (LAM) Pada Era British di Tanah Melayu. *Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya*; No. 31 (1) June 2022, h. 34-64.
- Gurel Ceti. (2016). Muslim Friendly Tourism (MFT): A Discussion, *Journal of Tourismology*, Vol.2, No.1, h. 65-67.
- Habibah @ Artini Ramlie, Zaharah Hussin, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Sapar, Saedah Siraj, Nurul Rabihah Mat Noh. (2014). Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi Terhadap Keperluan Aspek ‘Riadhah Ruhiyyah’ Untuk Profesionalisme Perguruan Pendidikan Islam, *The Online Journal of Islamic Education*, July 2014, Vol. 2 Issue 2, h. 2-21.
- Klas Grinell. (2019). Muhammad At the Museum: Or Why the Prophet Is Not Present, *Religions*, 10, 665, h. 1-13.
- Lina Munirah Kamarudin dan Hairul Nizam Ismail. (2012). Membudayakan Pelancongan Islam Di Malaysia: Strategi Dan Isu. *The 9th Regional Symposium of The Malay Archipelago Universiti Teknologi MARA (Perak)*, Malaysia, 11 & 12 December 2012.
- Mohamed Elaskary. (2017). Death, Resurrection, and Shrine Visitations: An Islamic Perspective, *Religions* 2017, h. 1-11.
- Mohd Anuar Ramli. (2018). Relevansi Pendekatan Wasatiyyah Menurut Al-Qaradawi bagi Menangani Ikhtilaf Fiqh dalam Kalangan Masyarakat Islam Nusantara. *Jurnal Wasatiyyah Malaysia*, 1(1), h. 7-21
- Muhammad Budi Santoso. (2018). Prinsip Transendental dalam Seni Visual Islam, *Tasfiyah*, Vol. 2, No. 2, h. 271-306.
- Muhd Imran Abd Razak, Mohd Anuar Ramli, Rahimin Affandi Abdul Rahim & Awang Azman Awang Pawi. (2019). The Fiqh Wasatiyyah Approach Towards the Involvement of Malaysian Women in Religious Extremism Phenomenon, *Al-Risalah: Forum Kajian Hukum dan Sosial Kemasyarakatan*, Vol. 19 No. 2, h. 105-124.
- Natalie N. May. (2012). *Iconoclasm and Text Destruction in the Acient Near East and Beyond*, The University of Chicago, h. 3.
- Patrick Blannin. (2017). Islamic State’s Financing: Sources, Methods and Utilisation. *Counter counterTerrorist Trends and Analyses*, Volume 9, Issue 5, May 2017, h. 13-22.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Muhd Imran Abd Razak & Awang Azman Awang Pawi. (2021). Anti- Extremism Fiqh as Retaliation Against Terrorism: An Introduction. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22 (3), h.115-128.
- Sagi Polka. (2003). Centrist Stream in Egypt and its Role in the Public Discourse Surrounding the Shaping of the Country's Cultural Identity. *Middle Eastern Studies. Vol. 39, No. 3 (Jul., 2003)*, h. 39-64
- ShawHong SER. (2020). Museums And Tourism: Reengineering The Role of Museums in Malaysia’s Cultural Heritage Tourism. *Journal Business Economic, Communication, And Social Sciences*, Vol.2 No.1, h. 145-157.
- Siti Fahimah. (2014). Sistem Isnad Dan Otentisitas Hadits: Kajian Orientalis dan Gugatan Atasnya, *Ulul Albab* Volume 15, No.2, h. 207-220.
- Zaini Ujang (1989), Tinjauan Terhadap Pendidikan Bersepadu: Suatu Sorotan Dalam Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar. *Jurnal Pendidikan Islam*, v. 2, bil. 1, h. 39-42.
-

Margaret Hedstrom & John Leslie King (2017). “*On the LAM: Library, Archive, and Museum Collections in the Creation and Maintenance of Knowledge Communities*”, Organisation for Economic Co-Operation and Development, Ambil daripada <https://www.oecd.org/education/innovation-education/32126054.pdf>.